

Adakah Malaysia ancaman Singapura?

UM - 14/7/2007

Oleh MOHAMAD FAISOL KELING

MENTERI Mentor Singapura dalam satu kenyataan yang disiarkan akhbar *Berita Harian* Singapura akhir bulan lalu membayangkan UMNO Johor mempunyai persamaan dengan parti pembangkang Pas iaitu bermatlamat untuk menjatuhkan Perdana Menteri.

Bayangan kenyataan berkenaan dibuat kerana pemimpin kanan Singapura itu percaya terdapat bantahan daripada UMNO Johor untuk menerima pelabur dari Singapura menyertai program pelaburan di Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI) di negeri ini.

Kuan Yew juga mengatakan bahawa syarikat-syarikat dari Singapura yang berminat menyertai projek di WPI tidak boleh menjangkakan layanan istimewa dari Malaysia sebagaimana layanan murah hati China kepada pelabur Hong Kong di wilayah Shenzhen.

Kuan Yew, bekas Perdana Menteri yang masih berpengaruh dalam kabinet Singapura, berkata, syarikat-syarikat dari republik itu juga perlu menilai sama ada kehadiran mereka dialu-alukan di WPI memandangkan wujud suara bantahan di kalangan pemimpin UMNO terutama dari Johor.

Kenyataan pemimpin elit Singapura itu yang mendakwa hubungan negaranya dengan negara jiran tidak akan sentiasa berjalan lancar telah menimbulkan persoalan kepada masyarakat mengenai tindakan bekas Perdana Menteri ini. Hakikatnya hubungan baik antara Perdana Menteri Singapura dengan Perdana Menteri Malaysia yang wujud pada ketika ini telah mencerminkan hubungan sebenar kedua-dua negara. Tindakan Kuan Yew yang sering mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang mencemaskan hubungan Singapura-Malaysia bukanlah perkara baru dalam memperkatakan hubungan diplomatik kedua-dua negara.

Sikap Kuan Yew yang suka mencetuskan ketegangan dan kedinginan hubungan ini sebenarnya dapat dilihat dalam hasil karyanya pada tahun 1998 yang berjudul *The Singapore Story: Memoirs of Lee Kuan Yew* apabila beliau secara terang-terangan menyatakan ketidakpuasan hatinya ketika Singapura berada di bawah Malaysia (1963-1965) dan menentang dasar-dasar Perdana Menteri Malaysia Tuanku Abdul Rahman dan Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Kuan Yew turut menyimpulkan hubu-

ngan Singapura-Malaysia ketika era kedua-dua pemimpin ini merupakan hubungan yang tidak menentu (*unsteady*) berbanding hubungan Singapura dengan negara-negara ASEAN lain.

Pemimpin kanan Singapura ini sekali lagi dalam karyanya pada tahun 2000 yang berjudul *From Third World to First World, The Singapore Story: 1965-2000* telah mengguris hati Malaysia dengan bongkaknya menyatakan Singapura merupakan negara paling maju dan kaya berbanding negara dunia ketiga lain.

Malah dalam karya itu beliau turut menyatakan persepsi keraguan pemimpin Singapura terhadap para pemimpin Malaysia. Beliau turut menjelaskan isu-isu yang melibatkan hubungan dua hala Malaysia-Singapura sebagai masalah besar kepada Singapura dan mampu mencetuskan konflik bersenjata (*arms conflict*) antara kedua-dua negara.

Mengalu-alukan

Tindakan Kuan Yew ketika menjawat jawatan Menteri Kanan Singapura "mengalu-alukan" serangan dari negara serantau pada 7 Oktober 2000 setelah berjaya membuat pembelian 100 unit perluru berpandu permukaan ke udara *Surface to Air Missile* (SAM) jenis AIM-120C daripada Amerika Syarikat (AS) menimbulkan ketidakelesaan rakan-rakan serantau. Kenyataan seumpama itu tidak dinafikan mampu menjejaskan kestabilan dan kekukuhan hubungan dua hala Malaysia-Singapura.

Perasaan bongkak Kuan Yew telah diiringi dengan karya *Defending the Lion City: The armed forces of Singapore* tulisan Tim Huxley pada tahun 2000 yang memperbesarkan kemampuan *doktrin poison shrimp, pre-emptive, forward defence* dan *total defence Singapore*. Karya ini telah mengundang reaksi para pemimpin Malaysia yang menentang pendapat-pendapat penulis pro-Singapura ini. Sekiranya dibuat perbandingan kekuatan Angkatan Tentera Singapura (ATS) dengan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) sememangnya ia menunjukkan kelebihan dan kekuatan kepada ATS.

Hakikatnya Singapura masih lagi memiliki kekurangan dari segi taktikalnya. Ini kerana Singapura masih lagi menghadapi kekurangan dalam faktor kemanusiaan sama ada dari segi jumlah, semangat, keberanian dan sebagainya yang menjadi nadi



PEMBANGUNAN pesat di Singapura menjadi kebanggaan Lee Kuan Yew sehingga beliau berani memperlekehkan negara-negara jiran.

- REUTERS

kejayaan kepada doktrin ketenteraan yang diamalkan. Semangat patriotik, kecintaan dan pengorbanan kepada negara masih lagi boleh dipersoalkan. Apa yang jelas, rakyat Singapura lebih mementingkan kemakmuran ekonomi, kekayaan, kestabilan dan keamanan yang tidak akan mengganggu gugat kepentingan peribadi masyarakat.

Kenyataan-kenyataan Kuan Yew yang sering memperbesarkan kekuatan dan kelemahan jiran telah mengundang persepsi negatif seolah-olah Malaysia merupakan ancaman kepada Singapura dan membantutkan usaha pembangunan serta pemodenan ATM. Malah proses pembangunan dan pemodenan ATM mula dilihat sebagai reaksi Malaysia terhadap pembangunan ketenteraan Singapura sedangkan hakikatnya ia jelas bertentangan dengan dasar Malaysia untuk tidak bersaing dan berkonfrontasi dengan mana-mana negara. Pembelian kelengkapan moden dan strategik ATM sejak akhir-akhir ini seperti pesawat F/A-18 D Hornet, MiG 29N, pesawat Su-

khui SU-30MKM, kereta kebal tempur PT-91, kapal selam Scorpene dan sebagainya mula dikaitkan dengan fenomena perlumbaan senjata dengan Singapura.

Sangat jelas Malaysia yang terkenal dengan sikap sederhana tidak berhasrat untuk bersaing, mengancam dan mencetuskan kedinginan hubungan diplomatik dengan mana-mana negara. Konsep kemakmuran jiran dan menghormati kedaulatan negara lain adalah prinsip yang menjadi tunjang pembentukan dasar luar negara. Justeru, seharusnya pendirian dan prinsip Malaysia yang disemai semenjak 1957 perlu menjadi sandaran kepada pemimpin Singapura khususnya Kuan Yew dalam memperkatakan hubungan sebenar Singapura-Malaysia.

MOHAMAD FAISOL KELING ialah pensyarah Fakulti Pengajian Antarabangsa Universiti Utara Malaysia.